



UNIT 13: BERSEDERHANA AMALAN KELUARGA

Tulis **BETUL** bagi kepentingan bersikap sederhana dengan keluarga dan **SALAH** untuk yang sebaliknya pada ruang yang disediakan.

Soalan 1:

Apabila kita bersikap sederhana dalam keluarga, kita akan disukai dan disayangi oleh ibu bapa.

Soalan 2:

Janganlah kita bersikap tamak kepada ahli keluarga yang lain kerana sikap tersebut merugikan diri sendiri.

Soalan 3:

Ahli keluarga yang bersikap sederhana akan dibenci dan disisih oleh semua ahli keluarganya.

Soalan 4:

Apabila makan bersama-sama keluarga, hendaklah makan dengan penuh tertib dan tidak gelojoh.

Soalan 5:

Sekiranya semua ahli keluarga mengamalkan sikap bersederhana, keluarga akan sering bergaduh sesama sendiri.

Soalan 6:

Keluarga yang mengamalkan sikap sederhana akan membentuk keluarga yang harmoni dan bahagia.

Soalan 7:

Keluarga yang mengamalkan sikap sederhana akan menghadapi masalah dari segi kewangan.

Soalan 8:

Sikap-sikap yang baik seperti berjimat-cermat, salingmenyayangi antara satu sama lain dan menghormati orang lebih tua dapat dipupuk apabila bersikap sederhana.

